

Perutusan

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun

misi

Menjadikan MPD sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berupaya meningkatkan pertumbuhan perbandaran ke arah keselesaan dan kesempurnaan kehidupan warga Dungun

visi

Ke arah melahirkan pengurusan pentadbiran dan perkhidmatan perbandaran yang cekap, cemerlang dan dinamik

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Dungun Bagi Tahun 2011-2012

Pn. Aziahwati bt. Abdullah

En. Alias b. Mamat

En. Roslee b. Daud

En. Zukirly b. Hanafi

Tn. Hj. Ali b. Mohamad

En. Tan Boon Hiap

Y.Bhg. Dato' Hj. Maat b. Ismail

Tidak dalam gambar: En. Azhar b. Jamboi, Tn. Hj. Abdullah b. Ali & En. Md. Shie b. Salien



Assalamualaikum, dikesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas kerja kuat daripada semua sidang pengarang yang akhirnya berjaya melahirkan Buletin Majlis Perbandaran Dungun (MPD).

Sebagai sebuah agensi Pihak Berkuasa Tempatan, saya berpendapat isi kandungan di dalam Buletin yang diterbitkan ini dapat memberi banyak maklumat yang berfaedah kepada warga MPD termasuk penduduk di daerah ini. Saya berpuashati dengan rekabentuk Buletin ini termasuk berita-berita yang disampaikan bukan saja berkisar maklumat dan berita di dalam MPD itu sendiri malah turut diselitkan berita-berita dan peristiwa yang berlaku di sekitar daerah ini.

Dengan terlahirnya Buletin MPD ini ia memberi satu kesan yang besar kepada pembaca khususnya warga MPD dan penduduk untuk memperolehi maklumat yang tepat dengan apa yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Dungun. Saya berharap agar sidang redaksi dapat menyediakan laporan dan maklumat yang tepat agar segala catatan berita dan peristiwa yang disampaikan berguna dan mudah difahami oleh segenap lapisan pembaca khususnya warga daerah ini.

Akhir kata, saya sekali lagi berterima kasih kepada semua pihak yang terbabit dalam pengeluaran edisi pertama ini agar mereka terus berusaha menyediakan laporan dan peristiwa yang berpanjangan.


En. Harun Bin Mohamad



Portal Rasmi MPD Bertaraf 5 Bintang dalam MGPWA 2011

Satu seminar Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011 telah diadakan pada 1 Disember 2011 (Khamis) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Seminar ini diadakan untuk mengiktiraf 285 agensi kerajaan yang berjaya mendapat penarafan 5 bintang dalam penilaian laman web pada tahun 2011.

Majlis Penganugerahan Laman Web 5 Bintang ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan. Majlis Perbandaran Dungun telah berjaya mendapat 5 bintang dalam Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011.



Perasmian Pelancaran OSC Online telah diadakan pada 24.10.2011 bertempat di bilik mesyuarat Heritiera Littoralis. Perasmian tersebut telah disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun iaitu En. Harun bin Mohamad. Upacara yang bermula jam 9.30 pagi sehingga 12.30 tengahari telah dihadiri oleh pihak kontraktor, teknikal kerajaan serta ahli teknikal MPD.